

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : YB TUAN MOHD AZIS BIN JAMMAN
KAWASAN : SEPANGGAR

SOALAN NO. 312

minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan perincian pembangunan-pembangunan infrastruktur rangkaian jalan raya yang dirancang untuk dilaksanakan di Sabah pada tahun 2021.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian ini merancang untuk menyiapkan pembinaan Lebuh Raya Pan Borneo Sabah dan juga memulakan pembinaan Lebuh Raya Trans Borneo di sebelah Sabah. Oleh itu pihak Kementerian telah mengangkat dua (2) pakej bagi Projek Lebuh Raya Pan Borneo Sabah di dalam *Rolling Plan 1* RMKe-12. Pakej-pakej dan projek yang dimaksudkan adalah seperti berikut:

- i) Work Package 09 (WP09): Membina Jalan dari Serusop ke Pituru;
- ii) Work Package 26 (WP26): Membina Jalan dari Sukau ke Kampung Lot M; dan
- iii) Membina jalan dari Kalabakan ke Simanggaris (kerja-kerja awalan)

Kelulusan pelaksanaan bagi kesemua projek yang telah diangkat masih menunggu keputusan pihak Agensi Pusat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, pihak Kementerian mempunyai perancangan yang lengkap untuk membina rangkaian Jalan Persekutuan yang baru ataupun untuk menaik taraf rangkaian Jalan Persekutuan yang sedia ada di Negeri Sabah dan Sarawak, termasuk juga Wilayah Persekutuan Labuan, demi untuk merancakkan kegiatan dan pertumbuhan ekonomi di negeri-negeri tersebut. Pelan perancangan ini telah dinyatakan secara terperinci di dalam Pelan Pembangunan Rangkaian Jalan Raya (*Highway Network Development Plan* atau ringkasannya HNDP) bagi negeri Sabah dan Sarawak yang telah disediakan pada tahun 2010.

NO SOALAN : 312

Kementerian ini bercadang untuk menilai semula pelan tersebut dan telah pun mengangkat permohonan untuk Kajian Semula Pelan Pembangunan Rangkaian Jalan Raya 2035 (HNDP 2035 bagi Sabah, Sarawak dan Labuan) di dalam *Rolling Plan 1* RMKe-12 baru-baru ini.

Sekian, terima kasih.